

# Pertambahan hasil bukan kerana kenaikan kos: PM

KANGAR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap peningkatan hasil daripada industri pelancongan bukan berpunca daripada kenaikan kos perkhidmatan, sebaliknya berikutan pertambahan jumlah pelancong.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa menekankan betapa penting kos barangan dan perkhidmatan tidak dinaikkan bagi memastikan negara ini terus berpeluang membangun dengan lebih pesat.

Beliau berkata, rakyat boleh membuat ukuran dari segi kuasa membeli

sesuatu barang sebagai bukti bahawa kadar inflasi yang rendah mempunyai fungsi yang sangat penting dalam kehidupan seharian.

“Walaupun pendapatan per kapita kita hanya AS\$3,250 (RM8,872), nilainya sama dengan AS\$7,200 (RM19,656) di negara itu sendiri. Ini bermakna kita boleh membeli lebih banyak barang di Amerika Syarikat, berbanding kemampuan rakyat negara itu sendiri.

“Dengan itu, kita sebenarnya mendapat pendapatan yang lebih walaupun angkanya rendah,” katanya ketika merasmi-

kan Hotel Pens Travelodge, di sini hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh dan Pengurus Besar kawasan Malaysia, Southern Pacific Hotels, David Travers.

Dr Mahathir berkata, nilai pendapatan per kapita rakyat meningkat kerana kos sara diri di negara ini rendah dan perlu dikekalkannya bagi membolehkan penduduk menggunakan segala kemudahan yang ada di negara ini.